

# PM: Mogok takutkan para pelabur

UM 3 : JUL 1988

**MELAKA 30 Julai** — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, tindakan mogok yang akan diambil oleh Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) (Pihak Pekerja) Badan-Badan Berkanun November ini akan menakutkan para pelabur untuk melabur ke negara ini.

“Saya kluatir orang akan takut datang ke sini untuk melabur jika menunjukkan terlalu mudah sangat untuk mengambil tindakan perusahaan”, tegas beliau.

Perdana Menteri menyatakan demikian sebagai menjawab soalan tentang mogok yang hendak dilancarkan oleh MBK Badan-Badan Berkanun November ini.

Bercakap kepada para wartawan selepas merasmikan mesyuarat agung Gabungan Persekutuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga Kecil Melaka Malaysia (GPPKMM) kali ke tujuh di Pusat Ekspo Air Keruh di sini pagi ini, beliau menarik perhatian dalam keadaan eko-

nomi yang baru hendak pulih ini, tindakan majlis itu tidak akan menggagalkan pelabur melabur ke negara ini.

Beliau menegaskan, semua pihak hendaklah menjaga iklim ekonomi negara agar ia berkembang.

MBK Badan-Badan Berkanun merancang melancarkan mogok seluruh negara hujung tahun ini kerana kelewatan kerajaan menyelesaikan tuntutan pelarasan gaji 1985.

Majlis tersebut mempunyai 140,000 orang ahli. Dalam bulan Jun 1986 MBK Badan-Badan Berkanun enggan menandatangani perjanjian sedangkan CUEPACS dan

empat lagi MBK memberi jaminan tidak akan melancarkan sebarang mogok.

Empat MBK lain ialah kuasa-kuasa tempatan, perkhidmatan perguruan, kakitangan rendah dan perkhidmatan awam.

Semalam, gabungan empat (MBK) Pihak Pekerja dan CUEPACS mengambil keputusan untuk menyingkirkan MBK Badan-Badan Berkanun kerana tidak berganjak dari keputusan mereka untuk mengadakan mogok.

Keputusan itu diambil dalam mesyuarat khas

**LIRAT MUKA 11**

## Mogok takutkan para pelabur

jawatankuasa penyelarasan MBK dan CUEPACS selama tiga jam di Wisma CUEPACS di Kuala Lumpur.

Ini bermakna MBK Badan-Badan Berkanun tidak akan menyertai mesyuarat Jawatankuasa Bersama Pelarasan Gaji Kakitangan Awam dengan kerajaan Oktober ini.

Perlu disebut, inilah kali pertama berlaku dalam sejarah gabungan kesatuan sekerja di ne-

gara ini.

Perdana Menteri berkata, tindakan mogok MBK Badan-Badan Berkanun akan hanya menghalang pewujudan peluang pekerjaan dan penguasaan kesatuan sekerja.

“Dengan tindakan perusahaan itu orang-orang yang mengganggu tidak akan dapat pekerjaan. Jika mereka dapat peluang bekerja, mereka akan menjadi ahli kesatuan.

“Jadi dengan tindakan kesatuan itu menghalang pewujudan peluang pekerjaan dan yang sebenarnya juga menghalang penguasaan kesatuan sekerja itu sendiri,” tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau menyeru semua pihak supaya berusaha mewujudkan iklim pelaburan yang baik yang sekaligus akan dapat memperbaiki ekonomi negara.

Menurut beliau, semua pihak bertanggung-

jawab dalam membantu kerajaan menarik lebih ramai pelabur dan memperbaiki ekonomi negara sekarang ini.

“Semua pihak mestilah berusaha memperbaiki ekonomi negara kita. Kita semua mesti bertanggungjawab kerana kerajaan tidak boleh menarik pelabur dan memperbaiki ekonomi negara tanpa sokongan dan bantuan mereka,” katanya.